

# LZS kutip zakat RM1.07 bilion

SINAR HARIAN 23/5/2023 M/º: 22

Agih RM1.05 bilion kepada 350,000 asnaf, pelbagai organisasi tahun lalu

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY SHAH ALAM

embaga Zakat Selangor (LZS) memperoleh kutipan zakat tertinggi mencapai RM1.07 bilion dengan pengagihan sebanyak RM1.05 bilion bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail berkata, ini memberi manfaat kepada seramai 350,000 individu asnaf dan pelbagai organisasi di Selangor.

Menurutnya, pengagihan zakat juga merupakan yang tertinggi sejak penubuhan LZS sekali gus membuktikan komitmen agensi itu dalam menuhi keperluan asnaf semakin meningkat di negeri ini.

"Jumlah agihan zakat ini meningkat sebanyak 13.8 peratus dari RM922 juta pada tahun sebelumnya," katanya kepada pemberita ketika diinterview di sebuah hotel di Seksyen 9 di sini pada Isnin.

Beliau menambah, peningkatan turut didorong keberkesanan agihan zakat dan saluran kutipan LZS dengan pelbagai usaha dilaksanakan sepanjang tahun bagi membantu golongan memerlukan.

Jelasnya, dengan kadar kemiskinan bandar semakin meningkat di Selangor, populasi golongan asnaf dijangka meningkat sebanyak 400,000 perera menjelang 2025.

"Walaupun LZS mencatatkan pencapaian ketara apabila menjangkau agihan sebanyak RM1 bilion, namun kita perlu sedar keperluan agihan pada masa depan semakin meningkat harus ditangani.

"Pengagihan zakat berjaya dilaksanakan dengan berkesan berikutkan sumbangan, berterusan muzakki atau pembayar zakat dan kami amat menggalakkan orang ramai menunaikan kewajipan zakat mereka



Syed Anwar (tengah) ketika sidang akbar di sebuah hotel di Seksyen 9, Shah Alam pada Isnin.

demi membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat asnaf," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, inflasi juga dijangka berterusan pada tahun ini dan akan memberi kesan kepada individu dan keluarga di kawasan bandar terutamanya mempunyai sumber kewangan terhad.

"Oleh itu, LZS akan terus meningkatkan perkhidmatan

demi manfaat negeri dan rakyat dalam menguruskan keperluan masa depan berlatar belakangkan keadaan pasaran mencabar.

"Dalam menangani peningkatan kos sara hidup dan jangkaan peningkatan bilangan asnaf pada tahun-tahun akan datang, kami berusaha memastikan bantuan zakat sentiasa mencukupi," jelasnya.

Beliau turut memaklumkan bermula 1 Julai 2023, LZS akan menggunakan kadar had kifayah baharu iaitu meningkatkannya daripada RM2,734 kepada RM2,990.

"Ini bertujuan untuk membantu lebih ramai jumlah asnaf yang berkelayakan dan memastikan mereka menerima manfaat zakat sepenuhnya," katanya.